

Kesedaran guna IP semakin meningkat

Usahawan PKS memanfaatkan perniagaan berteraskan inovasi

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kesedaran usahawan termasuk wanita serta industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai kepentingan harta intelek (IP) semakin tinggi dengan peningkatan sebanyak 46,812 pendaftaran IP pada 2021.

IP adalah permulaan perniagaan berpacuan inovasi yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat dan negara selepas berjaya dikomersialkan.

Ia sama ada dalam bentuk paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian, rahsia dagangan dan pelbagai lain penting dalam memastikan keunikan produk dan isu cetak rompak atau pelanggaran hak daripada pesaing.

Pegawai Penyelidik Kanan, Seksyen Promosi dan Pemasaran Inovasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Asrizam Esam, berkata perniagaan berpacu IP kini menjadi agenda utama supaya manfaat inovasi dapat dinikmati masyarakat dan negara.

Namun katanya, ia memerlukan ekosistem inovasi mantap bagi memacu hala tuju inovasi yang tepat dan berkesan bukan hanya di peringkat tempatan sahaja.

"Pembentukan ekosistem inovasi mapan yang ditunjangi oleh kerajaan, universiti atau agensi penyelidikan serta pemain industri perlu menjadi obligasi bagi memacu IP sebagai asas perniagaan yang dapat memberi impak tinggi kepada usahawan dan negara," katanya.

Malaysia juga boleh mencontohi Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) yang kini giat menjalankan pelbagai program bimbingan IP di seluruh dunia untuk membantu perniagaan yang diterajui usahawan wanita dalam

melindungi dan memanfaatkan aset IP.

"Tujuan utama WIPO untuk memastikan pertumbuhan perniagaan wanita lebih baik dengan peluang pasaran lebih tinggi dan bersifat global," katanya.

Pelbagai kemahiran

Bagaimanapun, ketika ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) giat membangunkan pelbagai kemahiran membabitkan seramai 16,950 wanita melalui kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan melalui kolaborasi yang strategik.



Asrizam Esam

Katanya, inisiatif lain seperti Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Dana Malaysia Social Innovation bagi membangunkan inovasi tempatan dari akar umbi, komuniti dan usahawan B40 juga sebagai usaha berterusan yang dapat membantu memulakan langkah awal usahawan wanita Malaysia. "Malah pada tahun ini, Perba-



Perniagaan berpacu IP kini menjadi agenda utama supaya manfaat inovasi dapat dinikmati masyarakat dan negara.

danan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menyediakan peruntukan bernilai RM2 juta untuk Dana Pemfailan IP.

"Oleh itu, usahawan wanita, perlu mengambil peluang ini berusaha mengembangkan idea perniagaan mereka," katanya.

Asrizam berkata, ketika ini ramai usahawan berjaya dalam perniagaan berteraskan IP dan dilihat tidak jauh ketinggalan.

Sebagai contoh kejayaan Prof Emeritus Datuk Dr Asma Ismail, penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) yang mempelopori pengkomersialan diagnostik pantas penyakit demam kepialu dipatenkan di lebih daripada 20 negara.

Penyelidik UPM, Prof Dr Lai Oi Ming, yang juga pengasas syarikat pemula Lipidware yang berjaya mengkomersialkan paten krim pelembap penghidap ekzema turut digunakan di China ketika pandemik COVID-19.

"Malaysia patut berbangga dengan usahawan wanita seperti Tan Hooi Ling, pengasas bersama aplikasi Grab yang menyediakan

perkhidmatan e-hailing merentas Asia Tenggara.

"Begitu juga Pazdilah Enda Sulaiman usahawan telekung inovasi Siti Khadijah harus dijadikan ikon dan tokoh usahawan wanita yang menjadikan IP sebahagian episod kejayaan empayar mereka," katanya.

Mengulas mengenai Hari Harta Intelek Sedunia disambut 26 April setiap tahun anjuran WIPO dengan tema Wanita dan IP, ia seiring dengan perkembangan aspirasi negara dalam memperingkatkan inovasi dan kreativiti.

Ia juga bagi meraikan pencipta wanita, usahawan dan profesional IP di seluruh dunia yang memiliki pencapaian hebat.

Tema Wanita dan IP seiring dengan konsep Malaysia MADANI yang menjadikan usahawan wanita lebih berkeyakinan dan meningkatkan kesejahteraan dari segi kekuatan ekonomi dengan menggunakan daya cipta baharu bagi memastikan kemampanan kelangsungan hidup yang semakin mencabar.